



SIARAN AKHBAR

PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA & LEBUHRAYA DAN *TRAVEL SMARTER* PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI BAGI TAHUN 2014

KUALA LUMPUR – Datuk Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia, telah melancarkan laman web *Travel Smarter* sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR), di Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, Lebuhraya PLUS, di sini, hari ini.

Travel Smarter adalah merupakan laman web interaktif yang dibangunkan oleh Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan akan memaparkan pelbagai info, antaranya latar belakang dan faedah pembangunan lebuhraya di Malaysia, info trafik secara langsung dan juga “*Journey Planner*”. Pengguna lebuhraya boleh menggunakan “*Journey Planner*” bagi membuat anggaran kos dan jarak perjalanan ke destinasi yang dituju sama ada melalui lebuhraya atau jalan tanpa tol, ujar beliau.

Di samping itu, Datuk Haji Fadillah Haji Yusof telah menyarankan agar orang ramai mematuhi had laju yang dibenarkan, tidak menggunakan dan memotong di lorong kecemasan serta mematuhi Panduan Masa Perjalanan (*Travelling Time Advisory - TTA*) yang disediakan oleh Projek Lebuhraya Usahasama (PLUS) Berhad bagi Lebuhraya Utara-Selatan dan juga ANIH Berhad, bagi Lebuhraya KL-Karak dan juga Lebuhraya Pantai Timur.

Semua pengguna boleh menghubungi Pusat Pengurusan Trafik, Lembaga Lebuhraya Malaysia, di talian 1-800-88-7752 dan melalui media sosial Facebook, www.facebook.com/lembagalebuhrayamalaysia, Twitter, www.twitter.com/LLMinfotrafik, atau talian 1MOCC, 03-8000 8000. Pusat Pengurusan Trafik LLM ini akan beroperasi 24 jam setiap hari, sepanjang cuti panjang ini.

Selain daripada ini, Kementerian dengan kerjasama syarikat-syarikat konsesi lebuhraya telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut untuk memastikan kelancaran aliran trafik dan keselamatan para pengguna lebuhraya:

- Penyediaan pasukan peronda lebuhraya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan bagi memberikan bantuan awal kepada mangsa kemalangan di lebuhraya.

- Pembukaan semua lorong termasuk lorong tambahan di plaza tol;
- Pengaktifan laluan *contra flow* di beberapa lokasi lebuh raya dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- Rondaan kerap semua syarikat konsesi lebuh raya untuk tempoh 24 jam sehari bagi menghadapi sebarang kemungkinan kes kemalangan atau insiden lain. *Respons Time* oleh pasukan peronda akan dipercepatkan apabila berlakunya sebarang kes kemalangan dan hal luar jangka;
- Mempaparkan situasi trafik semasa di *Variable Message System* (VMS) dan *Portable Variable Message Sign* (PVMS) untuk makluman pengguna;
- Penempatan anggota pasukan PDRM dan RELA di kawasan lalu lintas di plaza tol dan kawasan Rehat & Rawat (R&R) untuk tujuan keselamatan;
- Menyediakan bekalan air tambahan dan tandas tambahan di kawasan R&R dan Hentian Sebelah; dan
- Menempatkan kren dan kembalik (*tow-truck*) di lokasi-lokasi strategik bagi proses pemindahan kenderaan yang rosak dan yang terlibat dengan kemalangan.

Dalam pada itu juga, sebanyak 18 lebuhraya akan menawarkan diskaun tol sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri 2014 antara **5%-37.5%**, seperti di **jadual berikut.**

Bil.	Nama Lebuhraya
1	Lebuhraya Koridor Guthrie (GUTHRIE)
2	Lebuhraya Kemuning Shah Alam (LKSA)
3	Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH)
4	Lebuhraya SMART
5	Lebuhraya Shah Alam (KESAS)
6	Lebuhraya KL–Karak (KLK)
7	Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1)
8	Lebuhraya Duta Ulu Kelang (DUKE)
9	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)
10	Lebuhraya Pintas Selat Kelang Utara Baru (NNKSB)
11	Lebuhraya Sungai Besi (Besraya)
12	Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS) - <i>Plaza Tol Ampangan sahaja</i>
13	Lebuhraya Cheras-Kajang (GRANDSAGA)
14	Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)
15	Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)
16	Lebuhraya Sistem Penyuarai Trafik KL-Barat (SPRINT)
17	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) - <i>Plaza Tol Perai Sahaja</i>
18	Jambatan Sultan Abdul Halim Mu`Adzam Shah (JPP2)

Pada sambutan Aidilfitri tahun ini, Maju Expressway Sdn Bhd (MEX) telah bersetuju untuk menawarkan **tol percuma** kepada pengguna lebuhraya pada 28 Julai 2014 sebagai menghargai pengguna lebuhraya yang menggunakan Lebuhraya MEX.

5 lebuhraya di bawah kendalian **Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS)** pula akan menawarkan rebat tol sebanyak **30%** kepada pengguna-pengguna kenderaan Kelas 1 yang membuat bayaran tol secara elektronik (ETC) pada **23,24,30 dan 31 Julai 2014** . Lebuhraya yang terlibat adalah seperti berikut:

- Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) - *Kecuali Plaza Tol Bukit Kayu Hitam dan Bangunan Sultan Iskandar*
- Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH)
- Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE)
- Lebuhraya Kulim – Butterworth (KLBK)
- Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA) - *Kecuali Plaza Tol Tanjung Kupang*

Kementerian Kerja Raya Malaysia

Kuala Lumpur

22 Julai 2014